

BENGKEL ASAS MICROSOFT OFFICE, INTERNET DAN UNICLIQ-MATEMATIK

FORM 1 (2016)


Tarikh : 8,9,16 dan 30 JANUARI 2016

Masa : 9.30 pagi – 12:30 tengahari


Tempat : PIIM Jelawat

Jumlah Peserta: 30 Orang

Foto Aktiviti:







Penerangan:

Seramai 30 orang peserta terdiri daripada 20 orang pelajar sekolah menengah dan 10 orang peserta dari lepasan sekolah menengah telah di latih dengan modul asas microsoft office (word, excel dan power point). Seramai 20 orang peserta pelajar sekolah menengah telah dilatih menaip dengan menggunakan website 10 fastfinger.com, dan kuiz dari unicliq bagi subjek matematik. Manakala bagi peserta lepasan sekolah menengah pula, para pelajar telah didedahkan dengan penggunaan format yang betul dalam menghasilkan surat, resume, persembahan multimedia dan juga pengurusan data. Para pelajar juga didedahkan dengan penggunaan emel. Melalui Gmail, peserta telah diajar dengan cara mengisi maklumat diri dengan tepat seperti pemilihan id/username/katanama yang baik mengikut keperluan seperti digalakkan menggunakan nama seperti dalam kad pengenalan jika emel untuk urusan rasmi dan professional. Cara memohon emel dengan tepat seperti perlu masukkan nombor telefon bimbit yang aktif dan perlu memasukkan kod pengesahan untuk pengesahan emel yang telah didaftarkan.

PROGRAM JELAJAH KDB DAERAH BACHOK 2016

Tarikh : 4 dan 23 Februari 2016

Masa : 9.30-12.30

Tempat : Sek. Keb. Kubang Golok, Sek. Men. Long Yunus

Kategori Peserta: Pelajar Sekolah Rendah dan Lain-lain (Guru-Guru dan Staf Sokongan Sek.)

Jumlah Peserta: 127 (Pelajar Sekolah Rendah), 123 (Lain-lain)

Foto Aktiviti:





Penerangan:

Program Klik Dengan Bijak (KDB) Jelajah Daerah Bachok bersama pelajar sekolah rendah dan Guru-guru serta staf sokongan berjaya dilaksanakan. Program tersebut adalah melibatkan Pihak PIIM dengan agensi luar seperti pihak Sekolah dan juga pelajar. Program tersebut bertujuan untuk memupuk minat kepada penggunaan komputer sejak dari bangku sekolah lagi. Selain itu, ianya bermatlamatkan mendidik setiap pelajar kearah penggunaan komputer yang lebih bijak, selamat, waspada dan bertanggungjawab. Antara aktiviti yang dijalankan seperti memberi

penjelasan terhadap penggunaan teknologi komputer, dan juga etika semasa menggunakan sebarang perkhidmatan atas talian (online). Setiap peserta juga diberi penerangan tentang amalan kesedaran awam keselamatan dalam penggunaan internet agar setiap peserta lebih rasa bertanggungjawab selain mengambil langkah-langkah keselamatan sebagai seorang pengguna.